

Universiti Eropah nyata minat pelajari program penyalahgunaan dadah

Acreda USIM sumber rujukan masalah

Oleh **AINOL AMRIZ ISMAIL**
utusanN9@utusan.com.my

SEREMBAN 21 Mei - Pusat Penyelidikan Penyalahgunaan Dadah Asian (Acreda) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Nilai dekat sini, akan menjadi sumber rujukan universiti Asia Barat terhadap keberkesanan program penyalahgunaan dadah.

Pengerusi Lembaga Pengarah USIM, **Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Abdul Shukor Husin** berkata, hasil pertemuan dengan Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail dengan pihak universiti di negara berkenaan memperlihatkan minat mereka untuk mempelajari program yang dijalankan Acreda.

“Kerjasama dalam pelbagai bidang dengan pusat pengajian di Asia Barat itu sudah ada dan tentulah salah satunya ialah berkaitan program penyalahgunaan dadah.

“Mereka juga mengadu wujud permasalahan berkaitan dadah dan memang kita akui penyalahgunaan

dadah adalah masalah global. Mereka akui, program yang dibuat Acreda jauh lebih ke hadapan,” katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Abdul Shukor ditemui selepas merasmikan Seminar Pencegahan Penyalahgunaan Dadah Peringkat Kebangsaan 2013: Rawatan Pemulihan Berteraskan Islam anjuran Acreda di kampus Nilai dekat sini.

Seminar dua hari itu disertai pelbagai agensi kerajaan, mahasiswa dan orang ramai dan membatik pembentangan kertas kerja dengan fokus khusus berkaitan rawatan pemulihan berteraskan Islam.

Katanya, komitmen negara Asia Barat mendekati Acreda disebabkan elemen kemanusiaan yang diberi perhatian dalam pendekatan itu selain kekuatan pusat itu menyelesaikan permasalahan penyalahgunaan dadah.

Sementara itu, Pengarah Acreda, **Prof. Madya Dr. Mohd. Rushdan Mohd. Jailani** berkata, kaedah te-

rapi psikospiritual Islam mampu menjadi kaedah pencegahan yang lebih baik berbanding merawat.

Menurut beliau, kejayaan itu boleh dicapai sekiranya seorang individu benar-benar mempunyai kefahaman yang jitu tentang konsep pengabdian dan penyerahan diri kepada Tuhan.

“Oleh itu, beberapa perkara asas perlu diketahui seseorang insan iaitu yang pertama, memiliki ilmu yang sebenarnya mengenai Allah SWT sehingga merasakan Allah SWT memiliki segala sifat kesempurnaan sehingga tiada perkara pun yang terjadi di alam ini tanpa tiada penglibatan Allah SWT padanya,” katanya. membentangkan kertas kerja bertajuk ‘Terapi psikospiritual Islam dan pengalaman pusat pemulihan dadah berteraskan Islam’.

Menurutnya, perkara kedua ialah seseorang individu itu perlu memiliki kemampuan mengenali hakikat keinsanan sebenar dari aspek kerohaniannya.

“Ini antara lain menuntut kepada seseorang insan itu mengetahui keadaan dan kedudukan hati, diri, akal dan rohnya,” katanya.



DR. ABDUL Shukor Husin beramah mesra dengan wakil-wakil agensi sambil diperhatikan oleh **Dr. Asma Ismail** (tiga dari kiri) selepas merasmikan Seminar Pencegahan Penyalahgunaan Dadah Peringkat Kebangsaan 2013: Rawatan Pemulihan Berteraskan Islam di kampus Nilai, Negeri Sembilan, semalam.